| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | **Usah halang bakal pengantin berkahwin** | | |
| Date | **29. Mar 2009** | Language | **MALAY** |
| Media Title | **Kosmo Ahad** | Page No | **14** |
| Section | **Semasa** | Article Size | **73** cm2 |
| Circulation | **40000** | Frequency | **Daily** |
| Readership | **200000** | Color | **Full Color** |
| | | AdValue | **885.30** |


14 JURNAL
Apa dosa golongan HIV/AIDS?
Usah halang bakal pengantin berkahwin

# Usah halang berkahwin

KUMPULAN prihatin daripada YPT menjelaskan kepada *Jurnal* bahawa mereka tidak menentang 100 peratus ujian darah mandatori ke atas bakal pengantin.

Namun mereka berharap agar pelaksanaannya diperhalusi agar kerahsiaan keputusan ujian, ketelusan tujuan, kelancaran proses dan langkah lanjutan selepas ujian seperti sesi kaunseling diberi perhatian.

Menurut Pegawai Hubungan Luar YPT, Fauziah @ Gee, kerajaan perlu mewujudkan jalan penyelesaian bagi bakal pengantin yang salah satu atau kedua-duanya HIV positif tetapi masing-masing sudah memahami peranan dan pengurusan HIV/AIDS.

"Kalau dihalang golongan ini untuk berkahwin, bukankah ia membuka jalan untuk perkara-perkara maksiat pula?

"Sebenarnya, menafikan peluang seseorang yang HIV positif untuk berkahwin adalah satu bentuk pencabulan hak asasi manusia," kata Fauziah yang lazim dijemput menjayakan program pendidikan di Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN).